

Teks Ucapan
Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong MP 185 Batu Sapi
Sempena Perasmian Mesyuarat Agung PIBG
SMK Elopura 2 Sandakan
Tahun 2019

PADA 16 FEBRUARI 2019

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia,
En. Abd Malek bin Abd Rahman,
Pegawai Pemerhati PPD
Pegawai SISC +,
Pejabat Pendidikan Daerah Sandakan.

Yang Berusaha,
Encik Tan Peng Sing,
Pengetua Cemerlang,
SMK Elopura 2, Sandakan.

Yang Dihormati,
Encik Zainuddin b. Hassan,
Yang Dipertua,
Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG),
SMK Elopura 2, Sandakan.

Penolong-Penolong Kanan,

Ahli Jawatankuasa PIBG,
SMK Elopura 2, Sandakan.

Guru-guru,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kerana dapat kita bersama-sama dalam mesyuarat PIBG tahun 2019 pada pagi ini. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada SMK Elopura 2, Sandakan di bawah pimpinan dan pengurus sekolahnya Encik Tan Peng Sing, Pengetua Cemerlang, dan pengurusan PIBG SMK Elopura 2, Sandakan yang diterajui oleh Encik Zainuddin bin Hassan dan jawatankuasanya yang begitu komited untuk memastikan mesyuarat yang bakal diadakan selepas ini berlangsung dengan jayanya. Sesungguhnya mesyuarat seperti ini amatlah dialu-alukan kerana ianya dapat merapatkan lagi silaturrahim dan bertukar-tukar pendapat sesama kita.

Secara peribadi, saya berasa amat bangga dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke mesyuarat pada hari ini, dimana ia jelas membuktikan komitmen dan iltizam yang tinggi terhadap tanggungjawab serta peranan kita dalam organisasi yang dianggotai. Mudah-mudahan menerusi mesyuarat ini, idea-idea baharu akan diperolehi bagi tujuan pembangunan ilmu melalui sekolah ini.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Sebagaimana kita sedia maklum Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) adalah sebuah organisasi yang cukup signifikan dan penting terhadap perkembangan sesebuah sekolah. Tidak dapat dinafikan peranan dan tanggungjawab PIBG di sesebuah sekolah memberi kesan kepada kemajuan dan pencapaian sekolah kerana PIBG menjadi medium atau wahana untuk mencetuskan halatuju dan matlamat sekolah ke arah kecemerlangan pendidikan. Pengurusan PIBG yang

cemerlang akan melahirkan sekolah yang terbilang dan ia bukanlah hanya angan-angan kosong semata-mata malah diharapkan dapat diaplikasikan sepenuhnya bagi mencapai hasrat yang sama-sama kita inginkan.

Tuan-tuan/Puan-puan,

Kecemerlangan sesebuah organisasi atau persatuan amat bergantung kepada beberapa elemen yang perlu digerakkan secara bersama dan seiring. Oleh itu saya menyeru supaya kita bersama berpadu tenaga dan menyumbang buah fikiran dalam membangunkan dan memajukan PIBG demi kecemerlangan pendidikan anak-anak murid SMK Elopura 2, Sandakan. Elemen perpaduan dalam kalangan ahli adalah sangat penting yang akan membolehkan sesebuah organisasi itu memaksimumkan sumber tenaga, usaha dan buah fikiran ke arah kecemerlangan yang membanggakan.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Seperti yang ditekankan dalam dasar pendidikan negara iaitu ‘Pendidikan Untuk Semua’, suasana pembelajaran yang seronok dan membahagiakan haruslah diterapkan dalam sesebuah sekolah, institusi mahupun universiti. Maka untuk mencapai kearah suasana ini, budaya cinta, kasih atau sayang, kegembiraan dan hormat-menghormati haruslah menjadi asas dalam sesebuah institusi itu agar ilmu dapat diperoleh dan dieksplotasi dengan lebih berkesan, seiring dengan keperluan negara bagi mencapai status negara maju menjelang 2025.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Seperti yang kita tahu, setiap manusia mempunyai hak untuk mendapat pendidikan yang terbaik, dimana dengan adanya ilmu pendidikan yang diperolehi, ia secara tidak langsung dapat merubah nasib dan kehidupan seseorang itu. Ini jelas sekali apabila ilmu pendidikan dapat membantu mereka untuk keluar dari belenggu kemiskinan. Selain itu ilmu pendidikan juga dapat membantu seseorang itu untuk membuat keputusan yang lebih bijak dalam satu-satu masalah yang dihadapi, umpanya berkaitan dengan soal kebersihan yang mana antara perkara asas kesedaran sivik yang penting dalam menjalani kehidupan yang lebih baik dan selesa, baik secara berkeluarga maupun dalam sesebuah komuniti masyarakat.

Sebagai contoh, baru-baru ini saya telah melawat sebuah kampung yang dinamakan Kampung Bambangan di daerah ini, dimana saya amat kagum dengan suasana persekitaran yang amat bersih, dan meskipun kampung ini terletak di tepi laut, saya dapatkan tidak terdapat sebarang sampah pun saya lihat disepanjang lawatan saya disana. Saya juga telah berjumpa dengan Ketua Kampung itu sendiri iaitu En. Awang Bin Ahmad dan berharap usaha mengekalkan kebersihan seperti itu akan terus berkekalan, sebagai salah satu usaha untuk menarik lebih ramai pelancong ke kampung itu baik dari dalam maupun luar negeri.

Tuan-tuan/Puan-puan yang dihormati sekalian.

Bercakap mengenai kebersihan, sudah tentu ia berkaitan juga dengan sistem pengurusan sampah. Sekiranya sampah tidak diuruskan dengan baik, maka akan berlakulah suasana persekitaran yang kotor dan seterusnya menghasilkan bau yang busuk dan kesanya amatlah tidak menyenangkan dari segi pengudaraan sekitar. Maka apa yang harus kita lakukan ialah dengan mengurus sampah-sampah itu dengan baik, dimana sampah daripada rumah atau sekitarnya hendaklah dibungkus ke dalam beg plastik sebelum ia dikumpul dan diangkut oleh Majlis Perbandaran Sandakan (MPS). Ini penting bagi mengelakkan berlaku pencemaran udara dengan longgokkan sampah yang tidak terurus, yang boleh menggugat tahap kesihatan masyarakat dan tahap kebersihan Daerah Sandakan sendiri.

Demikian juga dalam aspek pengurusan sesebuah PIBG, dimana aspek ini juga tidak harus dipandang mudah dalam merealisasikan dasar pendidikan negara. Pengurusan PIBG harus cekap dan berkesan bagi menghadapi perubahan-perubahan semasa. PIBG boleh melaksanakan banyak aktiviti yang dirancang dan disusun mengikut keperluan sekolah. Program seperti kelas tambahan, kem motivasi untuk pelajar dan waris, gotong royong, kursus kredibiliti, seminar dan sebagainya adalah antara aktiviti yang boleh dilaksanakan sepanjang tahun. Apa yang penting adalah, pengurusan PIBG yang cekap dan berkesan akan mencerminkan kualiti kepimpinan yang berwibawa dan seterusnya dapat menjamin kejayaan segala matlamat dan objektif persatuan tercapai.

Kita percaya bahawa pelaksanaan aktiviti yang dirancang dengan teliti akan dapat dijayakan sekiranya kita mempunyai sumber kewangan yang mencukupi. Sumber-sumber kewangan perlu diperoleh dan diurus secara bijaksana agar program yang hendak dilaksanakan akan mendapat natijahnya ke arah kecemerlangan pendidikan anak-anak kita. Oleh itu, segala peluang yang boleh menambahkan dana persatuan ini harus dicari dan ditambah dengan inisiatif dan kerjasama pucuk pimpinan dan semua ahli persatuan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Dalam melaksanakan sesuatu objektif agar lebih berjaya dan berkesan, hubungan baik antara ibu bapa dan guru juga harus dititikberatkan. Peranan dan hubungan baik antara ibu bapa, guru dan masyarakat setempat seharusnya sentiasa terjalin dan kukuh. Hubungan dan kerjasama ini sudah semestinya akan mewujudkan pemuaafakatan yang saling memerlukan ibarat aur dengan tebing bagi menjana kecemerlangan sekolah. Selain itu, PIBG juga dapat menjadi pemangkin kepada terjalannya hubungan rapat dengan jabatan kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan ke arah mewujudkan pemuaafakatan dan perkongsian bijak demi kebaikan bersama.

Hadirin sekalian.

Permasalahan sosial sejak kebelakangan ini juga cukup membimbangkan kita semua. Gejala sosial dan keruntuhan moral yang melibatkan remaja dan

pelajar sekolah sangat mencemaskan hati kita. Banyak faktor yang menyumbang berlakunya gejala tidak sihat ini. Justeru, kita tidak seharusnya saling menuding jari mencari kesalahan mana-mana pihak, sebaliknya permasalahan ini perlulah dipandang serius oleh semua pihak. Di sinilah terletaknya peranan dan tanggungjawab PIBG untuk sama-sama berganding bahu dengan pihak pengurusan sekolah. Selain itu didikan agama dan penerapan nilai-nilai murni, kasih sayang dan jati diri serta nilai modal insan juga harus diberikan secukupnya kepada anak-anak agar gejala-gejala negatif dapat dihindarkan lebih awal.

Tuan-tuan/ Puan-puan yang dihormati sekalian,

Di majlis ini saya juga ingin mengambil kesempatan sekali lagi menyeru agar PIBG di sekolah ini dapat bergerak secara aktif dan terancang agar kewujudannya dapat memberi sumbangan bermakna lagi berkesan ke arah kecemerlangan yang diharapkan. Budaya ilmu dan budaya kerja cemerlang perlulah dipupuk dan disemai agar persatuan PIBG ini terus relevan dan menjadi penyumbang kepada kecemerlangan pendidikan anak-anak.

Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat PIBG SMK Elopura 2, Sandakan bagi tahun 2019 pada hari ini. Sekian, terima kasih.

TAMAT